

15/02/2001

MIC wajar hormati keputusan IPF

Magendran Rajagopal

PERGOLAKAN politik masyarakat India tempatan ternyata semakin meriah dengan perkembangan baru membabitkan tiga parti majoriti kaum itu - MIC, Parti Progresif Rakyat (PPP) dan Barisan Kemajuan India seMalaysia (IPF).

Tindakan IPF menolak pelawaan agar menyertai MIC, sekali gus menjadi komponen Barisan Nasional (BN), jelas membuktikan pengaruh IPF sudah meningkat selepas 12 tahun bergelumang dalam arena politik kebangsaan.

Pungutan suara Ahad lalu, serentak dengan Perhimpunan Agung IPF Ke-9, membabitkan 2,949 perwakilan IPF yang mengundi bagi menentukan sama ada kekal meneruskan perjuangan dengan parti itu ataupun bergabung dengan MIC atau PPP, sekali gus membubarkan IPF.

Majoriti perwakilan memilih untuk kekal dalam IPF, hanya seorang mengundi untuk menyertai PPP dan pilihan menyertai MIC menerima satu undi, manakala dua undi dikira sebagai undi rosak, sekali gus menutup terus peluang IPF menyertai MIC pada masa depan.

Presiden IPF, Datuk M G Pandithan, tidak mengundi dalam referendum itu dengan alasan tidak mahu undinya menjadi faktor mempengaruhi pilihan perwakilan.

Pensyarah Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr P Ramasamy, berkata keputusan IPF itu perlu dihormati kerana menggambarkan hasrat sebenar perwakilan dan bukan kehendak peribadi Pandithan.

"Tindakan Pandithan itu juga secara tidak langsung menyampaikan mesej kepada BN bahawa IPF lebih selesa diterima menjadi parti komponen BN yang ke-15 daripada terpaksa menyertai mana-mana parti komponen sedia ada.

"Hakikatnya, pengaruh IPF selaku parti alternatif kaum India dan penyokong kuat BN kini diakui MIC hingga ia sanggup membuka pintunya bagi menerima mereka kembali sebagai ahli untuk mengukuhkan kedudukan dalam komponen BN.

"Jika sokongan terhadap BN di kalangan bangsa Melayu dan bukan Melayu merosot pada masa depan, ada kemungkinan IPF terpaksa diterima sebagai anggota komponen BN, walaupun ditentang parti tertentu," katanya.

Secara umumnya, sandiwara IPF itu disifatkan sebagai tamparan hebat kepada Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, yang membuat pelawaan terbuka kepada IPF untuk menyertainya pada 16 Januari lalu.

Menurut Samy Vellu, beliau mengambil iktibar daripada rundingan perpaduan Melayu di antara Umno dan Pas yang sedang dibincangkan sekarang untuk berdamai dengan IPF bagi menyatupadukan kaum India tempatan.

Namun, katanya, keutuhan perpaduan masyarakat India serta sokongan mereka kepada kerajaan BN tidak mungkin tergugat selagi adanya MIC sebagai wakil tunggal kaum berkenaan.

"MIC tidak perlu bergabung dengan sesiapa bagi memperjuangkan hak masyarakat India tempatan dan saya yakin tiada parti lain yang lebih layak mewakili kaum India di negara ini.

"Tidak guna jika kita hanya bercakap mengenai perjuangan dan pengorbanan jika ia tidak diamalkan, sebaliknya lebih baik tingkatkan usaha dan kurangkan bercakap seperti yang menjadi pegangan MIC selama ini.

"Nasib kaum India tidak wajar dijadikan modal politik untuk memasyhurkan seseorang pemimpin, tetapi pada hakikatnya dia tidak langsung menyumbang bagi mengangkat martabat dan kedudukan ekonomi bangsa sendiri," katanya.

Samy Vellu berkata, MIC sudah bertapak sejak sebelum merdeka lagi dan kini mempunyai keahlian lebih 580,000 orang serta memiliki asas kukuh untuk menghadapi sebarang cabaran bagi memastikan kesinambungan hak kaum

India terpelihara.

Beliau juga kesal dengan tindakan Pandithan menjadikan tawarannya sebagai mainan politik untuk meningkatkan populariti IPF.

"Kita (MIC) cuba menghulur tangan untuk bersalam, tetapi dia (IPF) tendang tangan kita pula," katanya.

Namun, ramai pemerhati politik berpendapat tawaran Samy Vellu itu dibuat atas kebimbangan terhadap peningkatan pengaruh saingannya dalam BN, iaitu PPP, apabila Presidennya, Senator Datuk M Kayveas, dilantik menjadi Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tambahan pula, dari segi keahlian, jika ditakdirkan IPF menyertai PPP, maka MIC akan hilang kedudukan sebagai parti ketiga terbesar dalam komponen BN, sekali gus menggugat hak bersuara dalam gagasan itu.

Justeru, adalah lebih bijak bagi mempelawa IPF kembali ke pangkuan MIC kerana kepulangan mereka, yang sememangnya parti serpihan MIC, boleh diumpamakan sebagai sirih pulang ke gagang.

Pandithan pernah menjadi Naib Presiden MIC sebelum ini, tetapi dipecat pada 16 Julai 1988 kerana masalah disiplin dalam parti dan sering menggunakan isu kasta bagi meraih simpati penyokong.

Beliau kemudian menubuhkan IPF pada 1990 dan bersekongkol dengan campuran pembangkang, Gagasan Rakyat, selama lima tahun sebelum menukar rentak menjadi penyokong BN sejak 1995 dan cuba menjadi anggota parti komponen.

Pandithan tidak dapat berbaik semula dengan Samy Vellu, walaupun dikatakan sudah hampir lima kali meminta maaf secara terbuka selepas disingkirkan daripada parti oleh Samy Vellu.

Permohonan IPF untuk menyertai BN juga tidak berjaya setakat ini kerana mengikut dakwaan Pandithan, ia dihalang Samy Vellu dan kemasukan ahli baru dalam keluarga BN memerlukan konsensus semua 14 parti komponen sedia ada.

Bagaimanapun, Samy Vellu berkata beliau ikhlas membuka pintu MIC kepada IPF bagi menyatupadukan kaum India, sekali gus membawa IPF menyertai BN.

Setiausaha Agung IPF, K Panjamoorthy, berkata keputusan referendum itu memang sudah dijangka lebih awal berdasarkan maklum balas perwakilan dalam beberapa mesyuarat sebelum perhimpunan agung Ahad lalu.

"Pelawaan Samy Vellu, 16 Januari lalu, tidak mendapat sambutan di kalangan ahli IPF. Namun sebagai menghormati jemputan beliau, Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) setuju mengadakan referendum bagi mendapat reaksi sebenar perwakilan.

"Rata-rata, ramai yang berpendapat IPF wajar meneruskan perjuangan supaya pengorbanan selama lebih 12 tahun mendapat pengiktirafan dan jika perlu, harus sanggup menunggu lagi kerana akan tiba masa BN mempelawa IPF menjadi komponen.

"Hampir semua anggota IPF adalah bekas ahli MIC dan kebanyakannya sudah hilang kepercayaan terhadap parti itu dan sangsi dengan tawaran mereka. Pucuk pimpinan IPF harus menghormati keputusan perwakilan dan perlu akur," katanya.

Panjamoorthy menjelaskan kebanyakan anggota pucuk pimpinan IPF mempunyai hubungan baik dengan Menteri Besar, Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) di kawasan masing-masing, walaupun berita kegiatan parti jarang mendapat perhatian di persada politik peringkat kebangsaan.

Ramai antara mereka tidak bersedia melepaskan pengiktirafan sebagai pemimpin IPF yang diusahakan sejak 12 tahun lalu untuk menjadi ahli parti lain semata-mata bagi menyertai BN.

Bagaimanapun, Panjamoorthy menegaskan IPF akan terus kekal sebagai penyokong kuat BN dan akur dengan kehendak presiden parti yang membiarkan masa depan IPF ditentukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)

